

Headline	TH HOTEL CONVENTION CENTRE TERENGGANU KEKAL CIRI ISLAMIK		
MediaTitle	Wanita		
Date	04 April 2014	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	31,804
Page No	176,177	Readership	161,780
Language	Malay	ArticleSize	1108 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,871
Frequency	Monthly	PR Value	RM 35,614



HOTEL & resort

oleh IBNATIE AZIZA MAT ROFF + foto SHAHIR NOORDIN
terima kasih Pengarah Bahagian Jualan TH Hotel & Convention
Centre Terengganu, MS. NATASHA NOORBAYA YUSOFF



BIDANG hospitaliti dan perhotelan, menjadi nadi penting bagi negara yang mempunyai banyak tarikan pelancongan. Baik tetamu tempatan maupun antarabangsa, segmen pelancongan sesebuah negara pasti dinilai melalui kemudahan penginapan yang selesa dan berpatutan.



TH HOTEL & CONVENTION CENTRE TERENGGANU KEKAL CIRI ISLAMIK

Headline	TH HOTEL CONVENTION CENTRE TERENGGANU KEKAL CIRI ISLAMIK		
MediaTitle	Wanita		
Date	04 Apr 2014	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	31,804
Page No	176,177	Readership	161,780
Language	Malay	ArticleSize	1108 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,871
Frequency	Monthly	PR Value	RM 35,614



TH Hotel & Convention Centre Terengganu yang diuruskan pihak pengurusan Tabung Haji sendiri, tidak ketinggalan dalam menyertai barisan hotel yang ada di negara ini. TH Hotel Terengganu yang mula dibina empat tahun lalu, di tanah seluas 6 ekar, menjadikan kewujudannya tersgam megah.

Terletak kira-kira satu kilometer dari Lapangan Terbang Sultan Mahmud (LTSM) dan bertetangga dengan Kompleks Sukan Negeri, kedudukan hotel bertaraf tiga bintang ini ternyata cukup strategik.

Rekaan TH Hotel & Convention Centre Terengganu diadununkan secara kontemporari dan bercirikan Islam, menempatkan 182 bilik, iaitu Deluxe, Studio, Executive Suite dan Presidential Suite. Paling menarik, TH Hotel turut menyediakan bilik yang disesuaikan untuk golongan kurang upaya yang dilengkapi kemudahan seperti posisi perabot yang rendah dan mudah dicapai serta saiz pintu masuk dan pintu bilik air yang lebih besar. Kebanyakan bilik menyediakan katil yang direka khas iaitu jenis *pull out extra bed* yang setiap bilik boleh memuatkan tetamu sehingga empat orang.

Malah TH Hotel & Convention Centre Terengganu turut direka khas bagi kegunaan pada musim haji

dengan mempunyai dewan ketibaan khas untuk jemaah, tempat mendaftar dan imigresen, tempat pemeriksaan bagasi serta dewan berlepas.

Bagi mereka yang ingin mengadakan aktiviti, mesyuarat mahupun bersantai, TH Hotel & Convention Centre Terengganu turut menyediakan ruang yang selesa di Menanti Lounge dan empat bilik persidangan yang mampu memuatkan sehingga 300 orang pada suatu masa serta sembilan bilik mesyuarat di tingkat pertama. Tidak lengkap sekiranya tidak menikmati hidangan yang enak di Restoran Lagenda yang beroperasi dari pukul 6 pagi sehingga 12.30 malam.

TH Hotel & Convention Centre Terengganu turut menyediakan sebuah dewan konvensyen yang mampu memuatkan seramai 3,000 orang pada satu-satu masa. Dewan konvensyen yang dikatakan antara yang terbesar di pantai timur ini, boleh menampung pengendalian urusan himpunan, seminar dan majlis meraikan perkahwinan dalam suasana yang selesa.

Selain itu, TH Hotel turut menawarkan kemudahan pertama seumpamanya di negeri ini seperti kolam renang bagi wanita yang tertutup selain bilik mandi dan tandas diasingkan. *VW*

